



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 10 / 2022

PEMAKLUMAN TERKINI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENCEGAHAN COVID-19 BAGI PELAKSANAAN PRU DEWAN NEGERI JOHOR KE-15

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin memaklumkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pencegahan COVID-19 terkini bagi pelaksanaan PRU Dewan Negeri Johor Ke-15 berdasarkan cadangan pindaan dan tambahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN).
2. Pindaan dan tambahan kepada SOP tersebut adalah seperti berikut:

a. Aktiviti – Penggunaan Pelitup Muka dan Ceramah/Syarahan/ Kempen

Penceramah yang menyampaikan ceramah/syarahan semasa berkempen dibenarkan membuka pelitup muka, HANYA KETIKA menyampaikan ceramah. Selepas menyampaikan ceramah/syarahan hendaklah terus memakai semula pelitup muka, tanpa kelengahan. Manakala semua yang hadir ceramah/syarahan/kempen hendaklah sentiasa memakai pelitup muka. Penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara individu hendaklah sentiasa dikekalkan; dan

b. Aktiviti – Mesyuarat Parti dan Penjarakan fizikal di premis

Semua individu yang hadir mesyuarat diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang masa dan menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Aktiviti bersalaman adalah DILARANG.

3. Pindaan pada SOP Pencegahan COVID-19 bagi pelaksanaan PRU Dewan Negeri Johor Ke-15 berkuatkuasa serta merta.
4. SPR berharap semua pihak mematuhi undang-undang, peraturan dan etika kempen pilihan raya serta garis panduan pencegahan Covid-19 tersebut bagi memastikan kelancaran proses pilihan raya dan tidak menggugat ketenteraman dan keselamatan awam. Makluman berkenaan pindaan dan tambahan SOP Pencegahan COVID-19 boleh dirujuk portal spr.gov.my.

Sekian, harap maklum.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

7 Mac 2022 / 4 Syaaban 1443H